

**Rakyat Boleh Buat Perbandingan Antara Kerajaan BN Dengan Pembangkang - Muhyiddin**  
**Bernama**  
**19 Jun, 2012**

KUALA NERANG, 19 Jun (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kekalahan Barisan Nasional (BN) di beberapa negeri pada pilihan raya umum (PRU) 2008 mempunyai hikmah tersendiri apabila rakyat kini dapat membuat perbandingan antara kerajaan BN dengan pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri berkata seperti di Kedah yang kini dikuasai pembangkang, rakyat sudah boleh menilai sendiri kemampuan kerajaan BN dengan pembangkang.

"Selepas empat tahun PAS memerintah di Kedah, apa nikmatnya kepada rakyat Kedah. Apa nikmat yang melimpah yang dijanjikan kerajaan negeri? Mana dana-dana? Mana bekalan air percuma?."

"Ada hikmah bila berlaku perkara ini, baru boleh banding mana lebih baik dan mana yang tak baik," katanya ketika berucap pada Jamuan Rakyat 1Malaysia di Padang Awam Felda Lubok Merbau dekat sini, pada Selasa.

Beliau berkata apa yang penting sekarang ialah supaya rakyat terus mempunyai keyakinan terhadap usaha-usaha yang dilakukan kerajaan BN dalam memajukan negara.

"Yang penting, kena kembalikan kuasa kepada BN (di Kedah)... Saya yakin di Kedah dengan kesungguhan yang jelas terbukti, sanggup bekerjasama, masa depan akan lebih terjamin dan bahagia," kata Muhyiddin.

Muhyiddin berkata di mana-mana sahaja beliau pergi kini, sokongan padu dapat dirasai dan ada di kalangan rakyat di negeri yang diperintah pakatan pembangkang ingin pilihan raya umum diadakan segera kerana mahu mengembalikan kuasa pemerintahan kepada BN.

Hadir sama Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah dan Ketua Umno Bahagian Padang Terap Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Pada majlis itu, Muhyiddin meluluskan peruntukan RM1 juta bagi pembinaan dewan Sekolah Menengah Lubok Merbau.

"Ini bagi membolehkan guru-guru dan pelajar melakukan aktiviti mereka," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674093>